

NOR AINNA HAMZAH & HAMIZAH BASIR

REMBAU - Hujan lebat dan berterusan sejak awal pagi semalam menyebabkan 53 rumah dari lapan perkampungan di daerah ini terjejas banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Rembau, Amino Agos Suyub berkata, sehingga jam 3 petang semalam, sebanyak 53 kediaman terjejas banjir dan sebuah pusat pemindahan menempatkan 21 mangsa banjir dari empat keluarga dibuka pada jam 12 tengah hari di Balairaya Kampung Sungai Timun.

Menurutnya, di Kampung Batu sebanyak 30 rumah direkodkan terjejas banjir, Kampung Pedas Hilir (6), Kampung Minching (5), Kampung Sungai Radin (4), Kampung Air Panas Pedas dan Paya Besar masing-masing tiga rumah serta satu di Pekan Pedas dan Kampung Pulau Besar.

"Dijangkakan banjir naik sedalam 0.3 hingga 1.5 meter. Berdasarkan siasatan awal, hujan lebat luar biasa terutama di bahagian 'up stream' kawasan tadahan sungai mengakibatkan ber-



Banjir yang melanda Kampung Batu.

# Rembau tenggelam

Lapan kampung dinaiki air akibat hujan lebat berterusan

lakunya limpahan air Sungai Pedas, Sungai Bintongan dan Sungai Penajis/Mampong.

"Buat masa ini, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pedas sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir tersebut

dan kita juga sedang meneliti cadangan penyelesaian banjir membabitkan kerja-kerja membina semula seksyen Sungai Penajis/Mampong," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Amino berkata, Jawatankuasa Bencana Alam

Daerah Rembau dari semasa ke semasa akan memantau keadaan banjir dan pusat pemindahan di Kampung Sungai Timun akan dibuka sehingga kediaman mangsa banjir dibersihkan.

"Manakala, dari segi jalan perhubungan, tiada jalan

yang terputus hubungan sehingga jam 4 petang ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kejadian banjir semampama itu tidak pernah berlaku khususnya di Kampung

Batu dan Pejabat Parlimen Rembau.

Menurutnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menghulurkan bantuan selewat-lewatnya hari ini dan buat masa ini, pihaknya dalam urusan untuk membersihkan kawasan banjir, manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula diharapkan melaksanakan tindakan bersesuaian bagi memastikan limpahan air sungai tidak berulang.

"Banjir ini berlaku kesan daripada air yang melimpah dari sungai... kita syak bahawa hujan lebat di atas bukit yang menyebabkan air begitu banyak turun dalam tempoh yang singkat menyebabkan limpahan air berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Khairy memohon orang ramai supaya tidak mempercayai maklumat tersebar dalam media sosial yang menyatakan banjir besar berkenaan berpunca daripada empangan di kawasan Pedas yang pecah.

Adun Kota, Datuk Dr Awaludin Said pula berkata, dua rumah Orang Asli dan jambatan di Kampung Pabai Miku turut terjejas dalam bencana banjir, semalam.



Awaludin (tiga, kiri) ketika meninjau limpahan air sungai di Kampung Batu.



Pusat pemindahan banjir dibuka di Balairaya Kampung Sungai Timun.



Khairy (kanan) dan Yang Dipertua Pas Rembau, Hasan Tamby (tiga, kiri) melawat lokasi banjir di Kampung Batu.



Keadaan banjir di kawasan Pedas akibat hujan lebat berterusan awal pagi semalam.

## Masalah saliran jadi punca banjir kilat: MB

SEREMBAN - Sistem perparitan tersumbat dan jambatan dipenuhi sampah menjadi punca berlakunya banjir kilat di beberapa daerah dan kawasan di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kejadian banjir di Negeri Sembilan tidak sama dengan negeri lain kerana ia membabitkan isu penyelenggaraan.

"Banyak parit tersumbat dan jambatan tersangkut dengan sampah. Itu yang berlaku banjir kilat tetapi ia cepat surut," katanya pada sidang me-



MOHAMAD

dia selepas Majlis 'Tamat Pembinaan KM01 dan Tank Light Up' Kibing Group (M) Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Taman Tuanku Jaafar di sini, semalam.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi terlibat perlu serius melakukan kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan.

"Sebelum ini banjir di Bahau berpunca daripada rumput yang tumbuh di kawasan saliran, di Rembau pula disebabkan anak sungai tersumbat dan jambatan pula tersangkut sampah.

"Kita akan lihat dan teliti perkara ini, saya akan minta agensi dan jabatan terlibat sentiasa buat kerja-kerja penyelenggaraan. Ini perlu dilakukan segera bagi mengelak banjir kilat berlaku lagi," katanya.

Hujan lebat sejak jam 4 pagi semalam, menyebabkan beberapa kawasan di daerah Rembau, Kuala Pilah dan Seremban dilanda banjir kilat.

Antara jalan dilanda banjir kilat di Rembau ialah Jalan Pedas - Rembau, Jalan Kampung Relung - Batu Hampar, Jalan Kampung Pilih - Durian Daun dan Jalan Kampung Gaing.

Manakala di Seremban pula, kawasan terjejas ialah Jalan Pantai dan Paroi.